

SK Methodist Kuantan raih hadiah utama

KUANTAN 23 April - Idea menghasilkan peranti yang boleh mengeluarkan tenaga elektrik dengan bantuan arus air membuahakan kejayaan kepada sekumpulan murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Methodist Kuantan apabila mengungguli kategori sekolah kebangsaan dalam Festival Antarabangsa Inovasi Dalam Teknologi Hijau 2018 (i-FINOG 2018) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Gambang, di sini kelmarin.

Peranti yang dinamakan Smart Portable Energy Device atau singkatannya Speed itu merangkul hadiah utama dengan mengatasi 31 peserta lain dalam kategori sama sekali gus mengulangi kejayaan pada i-FINOG 2016.

Wakil murid berkenaan, Qarira Aina Azhari 12, berkata, peranti itu adalah hasil penyelidikan bersama dua lagi rakannya iaitu Yasmin Batrisyia Zaidi, 12, dan Aisyah Humyra Johan, 12.

"Kami hanya mengambil masa seminggu untuk mencipta peranti ini yang mampu menghasilkan tenaga elektrik sehingga lima volt. Kami bertiga berkongsi duit dan hanya bermodalkan RM50 untuk membeli komponen diperlukan



IBRAHIM AHMAD (dua dari kanan) menyampaikan hadiah utama kategori sekolah rendah dalam Festival Antarabangsa Inovasi Dalam Teknologi Hijau 2018 (i-FINOG 2018) di UMP Kampus Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

seperti turbin, motor DC, wayar dan beberapa bahan lain.

"Peranti yang dihasilkan ini berfungsi dengan bantuan arus air yang akan memutarakan turbin. Manakala turbin tersebut pula membantu memusingkan motor DC sebelum tenaga elektrik dihasilkan. Ini bermakna semakin laju arus air, semakin kuat tenaga

elektrik dihasilkan," katanya ketika ditemui selepas majlis penutup i-FINOG 2018 kelmarin.

Majlis itu disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad dan turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Pada majlis sama, Sekolah Me-

nenang Kebangsaan (SMK) Damansara Jaya, Selangor merangkul hadiah utama bagi kategori sekolah menengah kebangsaan dengan menghasilkan alat yang boleh mengesan kebocoran paip air.

Bagi kategori institusi pengajian tinggi, wakil UMP berjaya memenangi hadiah utama dengan menghasilkan penyelidikan resin untuk rawatan air.

Qarira Aina berkata, peranti tersebut boleh digunakan untuk mengecaskan telefon bimbit dan beberapa alat elektrik yang lain serta mudah di bawa ke mana-mana.

Menurutnya, alat itu dihasilkan khas untuk kegunaan individu yang suka melancong atau berkhemah bagi memudahkan mereka menggunakannya pada alat telekomunikasi mereka seperti telefon bimbit.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, program tersebut dilihat sebagai landasan tepat bagi mencungkil bakat pelajar dalam bidang inovasi dan penyelidikan sekali gus memberi pendedahan dan kesedaran mengenai pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan mereka melalui penghasilan pelbagai produk berkonsepkan teknologi hijau.